



Wajah-wajah si tua

Usahlah kau berduka si tua
Iupakanlah lara yang melanda
abdiikanlah dirimu pada pencipta
kerana engkau akan dijemput buat selamanya.

Usah kau berduka si tua
walaupun hidupmu menderita
walaupun jasadmu sengsara
walaupun hatimu terluka
ini hanyalah sementara
ini hanyalah dugaan dunia
laramu hanyalah seketika
kerana engkau akan bahagia di syurga sana.

Usahlah kau berduka si tua
biarpun perasaanmu
dihiris belati hinaan dan cemuh
kerana Tuhan
lebih mengetahui keperitan hidupmu
kerana Tuhan
lebih menyayangi dirimu.

Usahlah kau berduka si tua
walaupun hidupmu berulamkan sengsara
walaupun hidupmu berkuahkan derita
pasti...pasti di hujung deritamu ada bahagia.

**Mohd Azam,
UPM, Selangor.**

MEREKA yang berminat menghantar sajak, hantarkan ke alamat **puisimetro@hmetro.com.my** berserta butiran diri - nama penuh, alamat dan nombor telefon.